

THE

# TITAN

[richworks.com/the-titan](http://richworks.com/the-titan)

## Industry View

10 Ciri Kepimpinan  
Berkualiti Yang Perlu  
Dimiliki Usahawan

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

22 DISEMBER 2023 | BIL: 60  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

# MOHD FAUZIE SALLEH

PENERAJU INDUSTRI SNEK MASA KINI



# AMBIL ALIH PERNIAGAAN BUKANLAH PERKARA YANG MUDAH

“Kalau tiada siapa yang nak uruskan, apa kata kita tutup saja bisnes ini!”

Begitulah ayat yang dilontarkan oleh Haji Salleh yang menusuk hati anaknya, Mohd Fauzie, hingga membuatkannya tekad untuk meneruskan perusahaan keluarga yang berasaskan industri pembuatan snek makanan ini biarpun sudah selesa dengan kerjayanya sebagai seorang jurutera pada ketika itu.

Ujar Mohd Fauzie, beliau akur dengan kehendak bapanya yang mahukan anak lelakinya untuk menyambung legasi bisnes ini memandangkan dirinya sudah sebatи dengan dunia perniagaan sejak dari kecil lagi.

“Saya memang lahir dalam keluarga bisnes dan sudah berjinak-jinak sebagai usahawan sejak di bangku sekolah lagi di mana saya menjual kad kepada rakan-rakan sewaktu berada di sekolah rendah.

“Naik sekolah menengah, saya sudah mula menjual kerepek dalam bungkusan besar yang dikongsikan kepada kawan-kawan untuk dijual di dalam asrama.

“Di universiti pula saya mulakan pelbagai bisnes seperti harta tanah, perkhidmatan membaiki komputer riba, jual aksesori komputer dan lain-lain lagi.

“Apabila tiba hujung minggu dalam bulan Ramadan, saya akan pulang ke kampung dan bantu keluarga menguruskan perniagaan kerana Aidilfitri merupakan waktu kemuncak jualan.

“Walaupun rancak dengan bisnes, realitinya pada waktu itu keluarga saya tak nampak pun bisnes ini nak ke mana malah ibu saya sebenarnya mengharapkan saya menjadi seorang pendidik atau pensyarah yang bekerja di kerajaan seperti orang lain. Namun, semua itu berubah selepas beberapa tahun saya mengambil alih syarikat Salleh Food ini,” ujar pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Salleh Food Industries Sdn.Bhd. ini.

## **RM100K LESAP GARA-GARA SKIM CEPAT KAYA**

Di sebalik kejayaan hari ini, beliau juga pernah melalui detik hitam dalam hidupnya apabila terjebak dalam skim pelaburan cepat kaya hingga menyebabkannya kerugian hampir



RM100 ribu yang merupakan wang simpanan miliknya.

"Disebabkan saya rasa lebih bijak berbanding pengarah lain dalam syarikat kerana memiliki ijazah, saya pun mengambil tindakan untuk melabur kerana ingin mencari kesenangan dengan cara yang cepat tanpa berusaha.

"Waktu itu saya rasa mereka semua tak faham akan konsep pelaburan masa kini. Namun, akhirnya perkara itu sendiri yang menjerat diri saya. Memang saya berasa malu kerana sepatutnya saya yang membantu untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan keluarga.

"Namun, perkara sebaliknya pula yang terjadi hingga saya terpaksa meminjam wang untuk menyara kehidupan keluarga. Mulai saat itu, saya nekad untuk buktikan yang saya bukanlah seperti yang dahulu," jelasnya yang sebelum ini bercita-cita untuk menjadi professional engineer (PE/IR).

## TEKAD BAIKI OPERASI BISNES

Mungkin sesetengah orang nampak mudah untuk menguruskan bisnes yang sudah membuat jualan jutaan ringgit. Tetapi, realitinya sangat berbeza apatah lagi keluarganya kerap memaklumkan bahawa hasilnya tidak pernah kelihatan sepanjang bisnes ini diuruskan oleh ibu dan bapanya.

"Di saat itu saya mula tergerak hati untuk mengaudit setiap transaksi syarikat. Alangkah terkejutnya saya apabila banyak sangat lompong kerugian yang berlaku seperti pelanggan mengambil barang tanpa membayar yang mana nilai terkumpulnya melebihi RM1 juta.

"Situasi yang paling teruk pula adalah pada tahun 2016 di mana kami baru tahu bahawa



syarikat terlebih bayar kepada pembekal sebanyak RM600 ribu dan mereka tidak mahu memulangkannya.

"Tambahnya pula, pelaksanaan sistem Goods and Services Tax (GST) pada waktu itu memberi impak kepada jualan syarikat dan cabaran itu terus berlarutan hingga ke tahun 2017 apabila kami didenda sebanyak RM800 ribu oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) disebabkan kecuaian akauntan syarikat kami.

"Ujian yang berterusan itu memang sangat berat apatah lagi waktu itu saya baru sahaja mengambil alih syarikat. Namun, Allah itu Maha Pemurah dan saya sangat bersyukur kerana Dia tunjukkan jalan untuk selesaikan satu per satu ujian yang melanda untuk kami terus bertahan hingga ke hari ini," tuturnya.

## PELEKAT KERETA JADI PERMULAANNYA

Terus bersemangat untuk memperbaiki masalah bisnes yang dihadapi, beliau mengambil keputusan untuk menyertai program RichWorks dengan harapan agar dapat mencari solusi yang dicarinya selama ini.



"Saya sertai program RichWorks sejak dari tahun 2016 lagi iaitu Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK). Menariknya, saya mula mengenali Datuk Wira Dr. Azizan Osman melalui pelekat kereta di kereta abang ipar dan rakan usahawan saya.

"Bermula dari situ saya kerap sertai program IMKK. Saya belum sertai program Millionaire Marketing Mastery (MMM) lagi kerana merasakannya terlalu mahal pada waktu itu. Namun, segala berubah ketika saya hadiri program Nak Ubah Hidup (NUH) pada tahun 2019.

"Waktu itu saya agak stuck dan cuba-cuba untuk sertai MMM dengan duit simpanan yang dimiliki memandangkan keluarga memang tidak bersetuju kerana yurannya yang mahal.

"Tapi, alhamdulillah daripada program MMM itulah yang trigger saya untuk sambung ke program pementoran Spire pula.

"Sememangnya isi kandungan MMM itu membuatkan otak saya terasa bahawa ini adalah ilmu baharu yang tak pernah saya jumpa walaupun sudah sertai banyak program agensi kerajaan sebelum ini. Perjalanan itu akhirnya membawa saya menjadi ahli Titanium Circle (Titan) pada penghujung tahun 2022 hingga ke hari ini," kongsinya.

## CARI KEJAYAAN DUNIA & AKHIRAT

Alami banyak perubahan positif setelah menjadi ahli Titan, beliau bersyukur kerana program ini membuatkannya lebih faham akan situasi bisnes dan matang untuk mengendalikan masalah perniagaan yang dihadapi.

"Dulu saya memang seorang individu yang tidak menepati masa. Namun, saya banyak berubah setelah sertai program RichWorks seperti dari segi disiplin dan sebagainya. Insha-Allah setiap



pagi saya sedaya upaya cuba untuk konsisten bagi serta sesi ratib yang diadakan seawal jam 6.30 pagi sekiranya tiada aral yang melintang.

"Dr. Azizan selalu tekankan bahawa diri kita adalah cermin buat staf. Kalau kita lewat, pasukan kita akan 10 kali ganda lebih lewat. Di situ, saya cuba untuk push bagi membuat jadual kerana kalau kita tidak betul-betul menguruskan masa, maka kita pasti akan menyesal suatu hari nanti.

"Selain itu, saya juga bersyukur kerana diizinkan Tuhan untuk berada dalam *circle* ini kerana semangat kita pasti akan terus mencanak naik apabila mendengar perkongsian daripada rakan-rakan usahawan yang lain.

"Di samping itu, saya sangat menghargai momen apabila berpeluang berada dalam sesi one-on-one bersama dengan Dr. Azizan kerana perspektifnya yang berbeza ketika memberikan solusi terhadap masalah yang dihadapi.

"Pengalaman dan caranya berfikir membuatkan sesi ini sangat berharga dan sememangnya terbukti dalam membantu saya serta rakan-rakan usahawan dalam transformasi bisnes ke arah kejayaan," jelasnya lagi.

Bukan hanya dari segi bisnes, beliau juga bersyukur kerana turut berpeluang untuk menimba ilmu akhirat sekali apabila bersama dengan RichWorks.

"Secara jujur, terlalu banyak perkara yang saya belajar terutama tentang pengurusan hal dunia dan akhirat. Saya memang berimpian untuk menjadi manusia yang bukan sekadar berjaya di dunia malah di akhirat kelak.

"Richworks dan Dr. Azizan banyak mengajar kita untuk seimbangkan kedua-duanya. Saya juga turut bersyukur kerana jualan setiap tahun adalah *record breaker* untuk saya sejak mula menyertai RichWorks.

"Selama syarikat ini wujud, rekod jualan paling tinggi adalah setakat RM7 juta setahun. Alhamdulillah, dengan izin Tuhan, kini syarikat yang diusahakan sudah mampu mencapai jualan lebih RM13 juta setahun.

"Buat masa ini kami sudah ada lebih 60 orang staf berbanding dahulu dalam lingkungan 15-20 orang. Setiap jabatan juga sudah ada seorang ketua yang akan menguruskannya. Kami masih dalam proses penambahbaikan tetapi kami sangat bersyukur kerana keadaannya lebih baik berbanding sebelum ini," jelasnya menutup bicara.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai bisnes yang diusahakan, anda boleh layari laman TikTok dan Facebook @sallehfoodhq untuk mendapatkan info mengenainya.



# 10 CIRI KEPIMPINAN BERKUALITI YANG PERLU DIMILIKI USAHAWAN

## APAKAH KEMAHIRAN KEPIMPINAN?

Kemahiran kepimpinan ialah kekuatan dan kebolehan yang ditunjukkan oleh individu yang dipertanggungjawabkan bagi mengawasi proses, mencadangkan inisiatif dan mengemudi pekerja ke arah pencapaian matlamat yang diimpikan.

Kemahiran kepimpinan adalah komponen penting dalam meletakkan eksekutif untuk membuat keputusan yang bernalas tentang misi dan matlamat organisasi mereka dan memperuntukkan sumber dengan betul untuk menjayakannya.

Kemahiran kepimpinan yang berharga termasuk keupayaan untuk mewakilkan, memberi inspirasi dan berkomunikasi dengan berkesan. Ciri kepimpinan lain termasuklah kejujuran, keyakinan, komitmen dan kreativiti.

Dalam dunia teknologi informasi (IT), eksekutif selalunya dikehendaki menjadi *jack-of-all-trades*.

Selain dapat merancang secara strategik, kemahiran kepimpinan mereka juga mesti ditonjolkan dalam aspek pengurusan risiko, pemulihan bencana, pematuhan dan aspek lain dalam tadbir urus data.

10 kemahiran kepimpinan terbaik yang menjadikan pemimpin itu berkualiti

Untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan, seseorang harus memiliki kemahiran tertentu yang boleh mengemudi dan memotivasi ahli pasukan ke arah kejayaan.

**Senarai berikut menyatakan 10 kemahiran kepimpinan yang penting:**

**Komunikasi terbuka:** Pemimpin yang baik mengekalkan komunikasi dua hala dan terbuka dengan ahli pasukan serta boleh menerangkan secara ringkas matlamat dan tugas organisasi menggunakan pelbagai jenis saluran komunikasi, seperti sesi one on one, emel, video, sembang, panggilan telefon dan media sosial.

Pemimpin yang berkesan juga berkongsi mesej yang jelas dan menjadikan idea yang kompleks mudah difahami untuk semua orang.

**Empati:** Kepimpinan empati memberi tumpuan kepada mengenal pasti individu lain dan memahami perspektif mereka.

Pemimpin yang bijak menunjukkan empati berjaya kerana mereka dapat lebih memahami perasaan pekerja tentang persekitaran kerja mereka. Ini membolehkan para pemimpin membawa perubahan positif kepada tenaga kerja di pejabat.

**Pemikiran strategik.** Pemimpin memerlukan kemahiran berfikir strategik dan kritis kerana mereka ditugaskan untuk membuat keputusan yang mencabar. Pemimpin yang bijak membuat keputusan yang telah dikaji dengan baik dan meneliti secara objektif boleh membawa organisasi ke arah mencapai matlamatnya.

**Kreativiti.** Seorang pemimpin yang kreatif boleh menyuarakan idea baharu dan memberi inspirasi kepada orang lain ke arah kreativiti dan inovasi.

Sebagai contoh, pemimpin yang berjaya akan sentiasa mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada pekerja untuk input kreatif mereka.

**Positiviti.** Seorang pemimpin yang hebat membawa aura positif ke dalam persekitaran kerja yang seterusnya menaikkan semangat pekerja dan menggalakkan mereka untuk berprestasi lebih baik.

Positiviti boleh dipupuk dengan menunjukkan keprihatinan, rasa hormat, diplomasi dan empati terhadap pasukan.

**Fleksibiliti.** Pemimpin terbaik keluar dari zon selesa mereka dan cepat menyesuaikan diri dengan keadaan kerja yang sentiasa berubah-ubah.

Mereka memakai pelbagai topi dan boleh menyelesaikan masalah dan membuat improvisasi dengan cepat. Pemimpin yang berjaya juga menggalakkan penglibatan pekerja dan bersedia menerima maklum balas yang membina daripada pasukan.

**Penyelesaian konflik.** Seorang pemimpin yang hebat bukan sahaja tahu bagaimana untuk mengelakkan konflik di tempat kerja tetapi juga boleh menyelesaikannya dengan cara yang cekap dan tepat pada masanya.

**Pengurusan masa.** Ini adalah kemahiran penting untuk pemimpin kerana mereka perlu mengagihkan tugas, mengutamakan komitmen, menetapkan matlamat yang boleh dicapai dan berbilang tugas.

Pemimpin yang berjaya mengamalkan kemahiran pengurusan masa dengan menetapkan matlamat SMART (*Specific, Measurable, Achievable, Relevant & Time-bound*) untuk diri mereka sendiri dan ahli pasukan mereka.

**Kebolehpercayaan.** Pemimpin yang hebat boleh dipercayai oleh orang ramai untuk memenuhi komitmen dan memenuhi *deadline*. Ini menggalakkan pasukan untuk menghargai keputusan pemimpin dan mengikut jejak dan contoh yang telah pemimpin mereka tonjolkan.

**Mentorship.** Pemimpin yang hebat sentiasa bersedia untuk membimbing dan mengajar bagi mengeluarkan yang terbaik dalam diri pekerja mereka. Mereka akan melakukan banyak usaha untuk menjadikan pasukan itu berjaya dengan menggunakan penonjolan sikap positif, kejelasan, motivasi dan dengan memberi ganjaran kepada pencapaian staf mereka.



# Kenapa USAHAWAN Perlu Hadir?



Buku Untuk Usahawan  
Bakal Jutawan &  
Blueprint 10X SME BBB



Sesi Penilaian Perniagaan  
Anda Berharga RM497

**100%**  
**PERCUMA**

# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**RICHWORKS®**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.